

Bantu peniaga kekalkan tradisi, keunikkan pasar malam



FARAH AZILA

PERSATUAN Cakna Wilayah Kuala Lumpur berharap permasalahan peniaga pasar malam sekitar ibu kota perlu diberi perhatian secara adil dan saksama seperti penyumbang ekonomi lain.

Dalam isu pemindahan tapak pasar malam AU2 Keramat, setia-usahanya, Farah Azila Mohamad Sukri berkata, peniaga tidak diberikan banyak pilihan selain mendakwa keputusan dibuat lebih memihak kepada pihak lain.

"Sedih apabila pasar malam AU2 Keramat yang beroperasi lebih 30 tahun ditutup kerana memberi laluan kepada pembangunan.

"Bagaimanapun, apa yang dapat dilihat sekarang, kawasan itu digunakan pula peniaga harian sedangkan peniaga pasar malam yang menggunakan tapak itu seminggu sekali diarahkan berpindah.

"Tidak mudah untuk menarik orang ramai ke pasar malam se-

perti AU2 Keramat walaupun sudah membuat rayuan, namun ditolak," katanya.

Katanya, tekanan pembangunan selain arahan pemindahan bukan hanya menjejaskan periuk nasi peniaga, malah menyebabkan suasana pasar malam kian suram.

"Isu pemindahan peniaga ini pernah berlaku di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) yang kesannya dirasakan hingga kini. Walaupun pengunjung ramai tetapi pen-

dapatan peniaga tidak sama seperti dahulu.

"Saya harap pihak DBKL bersama-sama membantu memastikan pasar malam menjadi sebahagian tradisi yang perlu dipertahankan.

"Jangan terlalu mengejar kepesatan pembangunan tetapi nilai tradisi lama dilupakan. Ia perlu seiring dan dikekalkan sebagai sebahagian identiti negara kita," katanya.